



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN
YBHG. DATO' NOR SAM BINTI ALWI
KETUA PENGARAH PERTANIAN**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
SEMINAR PENGEMBANGAN AGROMAKANAN SUBSEKTOR
TANAMAN JABATAN PERTANIAN TAHUN 2025**

**10 JULAI 2025 | KHAMIS
HOTEL KSL ESPLANADE, KLANG, SELANGOR**

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun dalam Majlis Penutupan Seminar Pengembangan Agromakanan Subsektor Tanaman Jabatan Pertanian Tahun 2025.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan atas kesudian hadir dan seterusnya menyempurnakan majlis penutupan rasmi seminar ini, meskipun dalam kesibukan tugas rasmi yang amat padat.
3. Kehadiran Yang Berhormat Datuk Seri amat bermakna dan menjadi suntikan semangat kepada seluruh warga pertanian, khususnya yang bergiat dalam subsektor tanaman agromakanan. Marilah kita berikan tepukan yang gemuruh kepada Yang Berhormat Datuk Seri.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Untuk makluman, seminar selama tiga (3) hari ini telah menghimpunkan lebih 500 peserta terdiri daripada pengeluar dan pengeksport tanaman makanan serta produk industri asas tani (IAT), wakil persatuan, syarikat swasta, pengusaha projek pertanian serta pegawai pengembangan dari seluruh negara.
5. Objektif seminar ini adalah untuk:

- i. Pertama, menyalurkan maklumat berkaitan Dasar Agromakanan Negara dalam subsektor tanaman sepanjang rangkaian pengeluaran;
 - ii. Kedua, menyampaikan maklumat berkenaan insentif, dana dan pembiayaan kerajaan berkaitan teknologi subsektor tanaman bagi merangsang pelaburan teknologi pertanian; dan
 - iii. Ketiga, menyediakan ruang pepadanan perniagaan serta peluang jaringan kerjasama teknologi antara usahawan dan pihak berkepentingan subsektor tanaman.
6. Sepanjang penganjuran, seminar ini telah menyaksikan **pembentangan sebanyak lapan (8) kertas kerja** yang merangkumi isu keselamatan dan keterjaminan makanan, cabaran perubahan iklim serta adaptasi teknologi moden seperti Kecerdasan Buatan (AI), Internet Kebendaan (IoT) dan Data Raya (Big Data) dalam pertanian, yang disampaikan oleh wakil kementerian, jabatan dan agensi serta pemain industri.
7. **Sesi penemusuaan** bersama pasar raya besar dan pemain industri seperti Lotus's, AEON, Mydin, ST Rosyam Mart, Segi Fresh Sdn. Bhd., SH Alliance Sdn. Bhd. dan Syarikat Serai Malaya Sdn. Bhd. turut diadakan bagi membuka peluang akses pasaran kepada produk segar dan IAT yang diusahakan oleh usahawan bimbingan Jabatan Pertanian.
8. Seminar ini turut menjadi platform untuk **perkongsian kejayaan** oleh syarikat-syarikat terlibat dalam subsektor tanaman, antaranya Top Fruits Sdn. Bhd. yang terlibat dalam

keseluruhan rantai pengeluaran durian sehingga ke peringkat eksport, serta R.M.I Industries, penerima Geran Agropreneur Muda dan Geran Pemadanan *Change Upgrade Product* (CUP) yang kini menghasilkan lebih 60 produk IAT. Selain itu, kejayaan pemain industri seperti LadaBESAR Sdn. Bhd., Serai Malaya Sdn. Bhd. dan PPK Kuala Langat turut dikongsikan sepanjang seminar ini berlangsung.

9. Di samping itu, sebanyak sebelas **(11) reruai pameran** melibatkan penyertaan Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan (BDI) KPKM, AGROBANK, MDEC serta syarikat pengeluar dan pemprosesan subsektor tanaman, syarikat teknologi dan mekanisasi pertanian serta pengeksport seperti De Lettuce Bear Berhad, Hoyeh Production (M) Sdn. Bhd., Serai Malaya Sdn. Bhd., Howard Alat Pertanian Sdn. Bhd., MSD Innovation Sdn. Bhd., Oriplus Makanan Tradisi Enterprise dan Syarikat Green World Genetics (GWG) Fresh Sdn. Bhd.
10. Jabatan Pertanian juga tidak ketinggalan menyediakan perkhidmatan pengembangan bergerak melalui **Klinik Doktor Pokok** bagi khidmat nasihat teknikal dan rundingan pembangunan projek subsektor tanaman. Sejak dilancarkan oleh Yang Berhormat Datuk Seri pada 29 April 2024, Klinik Doktor Pokok telah melaksanakan 27 program di seluruh negara dan memberi manfaat kepada lebih 8,500 orang pengunjung.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

11. Sebagai agensi pelaksana dasar kerajaan dalam sektor pertanian, Jabatan Pertanian sentiasa komited memperkukuh **penyampaian perkhidmatan** yang pantas, mesra pengguna dan telus. Dalam menguruskan peruntukan pembangunan sebanyak RM71.94 juta di bawah Rolling Plan ke-5, RMKe-12 bagi tahun 2025 merangkumi 27 projek pembangunan melibatkan projek peningkatan SSL buah-buahan dan sayur-sayuran, projek kopi dan kelapa, projek tanaman bawang dan pengukuhan projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Selain itu, terdapat juga projek yang melibatkan naiktaraf infrastruktur dan khidmat sokongan bagi menyokong pelaksanaan program pembangunan yang dirancang. Dalam hal ini, kecekapan tadbir urus amat penting bagi memastikan setiap sen yang dibelanjakan memberi impak maksimum kepada kumpulan sasar.
12. Selaras dengan hasrat mempertingkatkan kecekapan penyampaian, Jabatan Pertanian terus melangkah ke hadapan dengan memacu pendigitalan sistem perkhidmatan, khususnya dalam bidang pengembangan pertanian. Justeru, **pelancaran e-AgroLaporan** oleh Yang Berhormat Datuk Seri pada hari ini merupakan pencapaian penting dalam menambah baik mekanisme pelaporan perkhidmatan pengembangan pegawai di lapangan. e-AgroLaporan dibangunkan secara integrasi dalam Sistem GeoTanaman, membolehkan data pelaporan subsektor tanaman dan IAT dihantar secara masa nyata dan disatukan di peringkat pusat. Pendekatan ini bukan sahaja mempercepatkan tindakan susulan sekiranya berlaku

serangan penyakit atau bencana, malah membolehkan analisis data dilaksanakan dengan lebih cekap, tepat dan berskala besar. Inisiatif ini turut menepati standard MS ISO 9001:2015 dan selaras dengan aspirasi pendigitalan perkhidmatan sektor awam.

13. Bagi menyokong pemerkasaan perkhidmatan pengembangan, Jabatan Pertanian turut memberikan **penghargaan kepada pegawai dan petani** menerusi Anugerah Pengembangan Pertanian, Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan Anugerah Inovasi Teknologi Pertanian. Misalnya, inovasi penghasilan *Serunding Vagen Nangka Muda* bukan sahaja menambah nilai kepada hasil sisa pertanian, malah menyokong amalan lestari berasaskan konsep *zero waste*.
14. Saya percaya penyampaian anugerah ini oleh Yang Berhormat Datuk Seri bukan sahaja merupakan pengiktirafan kepada pencapaian cemerlang para pemenang, malah mampu menyuntik semangat dan inspirasi kepada seluruh warga Jabatan Pertanian serta para petani untuk terus meneroka inovasi baharu dan mengangkat teknologi tempatan sebagai teras kemajuan sektor pertanian negara.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

15. Seajar dengan tema **“Teknologi dan Inovasi, Pemacu Pertanian Lestari”**, saya yakin dan percaya bahawa penganjuran seminar ini dapat memperkukuh perkongsian maklumat, teknologi dan peluang pembiayaan dalam subsektor tanaman, di samping merapatkan kerjasama antara pemain

industri dan golongan sasaran serta membuka ruang pemasaran, khususnya kepada belia tani, ke arah memperkasa sektor pertanian negara dan menjamin keterjaminan makanan.

16. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri atas kesudian menyempurnakan majlis ini. Penghargaan turut saya tujukan kepada seluruh ahli jawatankuasa, agensi kerajaan dan pemain industri subsektor tanaman yang telah memberikan komitmen padu dalam menjayakan seminar ini. Terima kasih kepada Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan, KPKM atas sokongan dan suntikan dana yang telah membantu memastikan kelancaran penganjaran seminar ini serta pencapaian objektif yang disasarkan.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum wbt.